

## KPDNHEP pantau jika berlaku kekurangan barangan akibat pembelian panik

2020-03-13T18:15:59+08:00  
oleh Vivi Olviana Najurus



**GEORGIE**

**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau hypermarket serta kedai runcit sekitar sini jika berlaku kekurangan barangan akibat pembelian panik berikutan penularan isu Covid-19 di negeri ini.

Pengarahnya Georgie Abas berkata pemantauan itu lebih tertumpu kepada bekalan barangan keperluan asas termasuklah beras, gula, tepung gandum dan sebagainya.

"Kita sudah mengarahkan setiap anggota dan pegawai di ibu negeri serta lapan cawangan lain di Sabah bagi menjalankan pemantauan untuk mengesan jika terdapat kekurangan barangan keperluan asas terutamanya serta barangan lain.

"Pihak KPDNHEP juga akan bertemu dan berbincang dengan pihak pemborong bagi mengetahui sama ada stok barangan kedai mereka adalah mencukupi atau sebaliknya," katanya.

Georgie berkata walaupun setakat ini pihaknya belum menerima sebarang aduan berkenaan kekurangan bekalan barangan, namun pihaknya sudah menubuhkan bilik gerakan di Tawau untuk persediaan mengatasi isu ini.

"Bilik gerakan sudah ditubuhkan di Tawau bermula pagi ini (Jumaat) untuk menerima aduan daripada orang awam berikutan Tawau adalah daerah pertama yang dikenalpasti berlakunya pembelian panik selepas seorang individu disahkan positif Covid-19.

"Orang awam juga dinasihatkan untuk tidak melakukan pembelian panik berikutan lebih ramai penduduk akan melakukan perkara sama seterusnya akan mengakibatkan satu keadaan huru hara dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beberapa hypermarket serta supermarket sekitar sini dilihat dikunjungi lebih ramai pembeli berbanding hari lain dan keadaannya sama seperti musim perayaan.

Rata-rata pembeli dilihat mengambil troli sebelum memasuki kedai menandakan mereka ingin mendapatkan bekalan barangan dalam jumlah banyak selepas tiga kes positif Covid-19 disahkan di negeri ini.

Kejadian itu dikesan berlaku sejak dua hari lalu dan keadaan ini sedikit sebanyak membimbangkan sebahagian besar penduduk di sini dan jumlah itu dilihat bertambah dari semasa ke semasa.